

# Hierarki Penggunaan Barang dan Perkhidmatan dalam Islam

Oleh : Nuruul Hidayah Binti Mansor  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Nurul Azlin Binti Tokiman  
(Pensyarah Teknologi Makanan UiTM Kampus Kuala Pilah)



Penggunaan merupakan peringkat terakhir dalam hierarki barang dan perkhidmatan selepas proses pengeluaran dan pemasaran. Dalam ekonomi Islam pengguna dan pengeluar mempunyai hubungan yang saling memerlukan walaupun mempunyai peranan yang berbeza dari segi kegiatan ekonomi. Pengguna mempunyai berbagai kehendak untuk dipenuhi dan memenuhi kepuasan dalam sesuatu penggunaan.

Penggunaan dalam Islam sesuatu yang istimewa kerana pengguna Islam tertakluk kepada matlamat sehingga penggunaanya akan memberikan keberkatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Demikian pengguna Islam akan

melengkapkan rangka kerja tindakan ekonomi Islam dengan menekankan prinsip kebenaran/hak Allah, kebersihan/kesucian barang, kesederhanaan, manfaat dan kemaslahatan serta etika dalam penggunaan.

Konsep barang dan perkhidmatan dalam Islam tidak memisahkan elemen kebendaan dan kerohanian. Kedua-duanya berada dalam keseimbangan. Prinsip penggunaan Islam menjadi panduan kepada pengguna Islam untuk memilih dan menentukan barang. Barang yang bolehguna, berfaedah, bermanfaat, bukan barang terlarang sahaja dianggap sebagai barang kepenggunaan dalam Islam (Surtahman & Sanep Ahmad, 2005).

Ekonomi Islam meletakkan perbincangan pilihan keutamaan barang dan perkhidmatan dalam rangka kerja ekonomi dengan kriteria yang berbeza.

Hierarki Kepenggunaan Barang/ Perkhidmatan	Barang keperluan hidup	Barang keperluan asas	barang keperluan kecekapan	barang keselesaan	barang mewah	barang merbahaya / merosakkan.
Mannan (1980) dan Muslehuddin (1980)		√	√		√	
Afzal-ur Rahman (1975)		√	√	√	√	
Sadeq (1987)	√	√		√	√	√
Surtahman dan sanep ahmad	√	√	√	√	√	√

Selari dengan tingkat keperluan berikut, pengguna Islam turut dicadangkan untuk menitikberatkan panduan syariah dalam kepenggunaan. Penulis melihat bahawa hierarki penggunaan ini juga perlu selari dengan tujuan dan pemeliharaan masalah. Prinsip pemeliharaan masalah adalah satu disiplin ilmu yang digariskan dalam ilmu usul al-fiqh sebagai panduan memberi keutamaan dalam memelihara prinsip syariah dalam kehidupan dan untuk diaplikasi

sepanjang masa dan zaman. Memelihara hierarki kepenggunaan barang dan perkhidmatan perlu merujuk kepada tingkat keperluan sama ada keperluan tersebut berada dalam hierarki daruriyyah, hajiyyah atau tahsiniyyah.

1. Daruriyyah: Merangkumi perkara-perkara yang menjadi keperluan asas demi memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Perkara-perkara ini perlu dipelihara dan diberi perhatian demi

kewujudan dan kelangsungan hidup yang sejahtera kerana tanpanya kehidupan manusia akan binasa. Justeru, keutamaan penggunaan perlulah merujuk kepada keperluan yang membawa kepada pemeliharaan lima asas kehidupan berikut.

2. **Hajiyah:** Tahap keperluan yang bersifat menghilangkan kesulitan dan kesempitan serta mendapatkan kemudahan dalam hidup. Contohnya keperluan terhadap kenderaan dan telefon bimbit/ smartphone untuk urusan seharian. Perkara-perkara seperti ini syariah telah memberi perhatian demi mencapai kesejahteraan kepada

manusia.

3. **Tahsiniyyah:** Tahap keperluan dalam aspek kesempurnaan dan keselesaan hidup. Dalam hal ini ia menggambarkan bahawa Islam juga tidak mengabaikan aspek penambahbaikan untuk mencapai tahap yang lebih selesa dalam kehidupan. Kepenggunaan terhadap barang-barang mewah atau barang keselesaan tidak ditolak dalam Islam selagi mana ia tidak membawa kepada sifat pembaziran, kikir dan sombong. Begitu juga bukan daripada barang dan perkhidmatan yang haram di sisi Islam.

Pelaksanaan pemilihan keutamaan dalam hierarki penggunaan barang dan perkhidmatan dijelaskan melalui model cadangan pada gambarajah 1.

Gambarajah 1: Model Cadangan Hierarki Masalah Penggunaan Barang dan Perkhidmatan dalam Islam

